

Selasa, Nov 13 2018

'Perang' Bung-Tony Pua panaskan Dewan Rakyat

Sinar Harian 13/11/18

KUALA LUMPUR- Datuk Bung Mokhtar Radin (BN - Kinabatangan)

mempersoalkan PH di mana janji yang mengatakan pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) akan menurunkan harga barang.

Beliau yang merujuk kepada kenyataan tular Tony Pua (PH-Damasara) menyindir bahawa sampai sekarang harga-harga barang tidak turun, meskipun SST telah dilaksanakan.

"Mungkin pernah dengar video tular di mana YB Damansara ucap 'sana sini 'dengan SST harga barang akan turun, saya boleh dengarkan sekarang.

"Tetapi sampai sekarang barang tak turun ini Belanjawan 2019 pun bajet Damansara, hanya dibaca oleh Lim Guan Eng (Menteri Kewangan)," katanya ketika bangun mencelah dalam sesi Perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2019, di Dewan Rakyat semalam.

Bangkit mempertahankan diri Pua berkata kenyataan beliau itu telah diputar belit.